

Sifat mazmumah lerai persaudaraan

Propaganda Barat jadikan umat Islam bertelagah, mundur

Umat Islam diseru hidup bersaudara bukan sekadar demi perpaduan dan kesejahteraan, juga untuk meneguhkan agama nan satu. Islam adalah agama yang mementingkan keamanan, redup hati dan sempurna sahshiah demi keharmonian makhluk di dunia. Hari ini pertelingkahan dan perbalahan menjadi adat dan norma kehidupan lantaran manusia mula mengetepikan rasa kasih dan sayang sesama insan. Semangat persaudaraan sanggup digadai demi memenuhi cita-cita keduniaan.

Islam jamin asas persaudaraan

Islam menjamin asas persaudaraan dengan menyediakan hikmah pembinaan silaturahim bukan saja melalui hubungan kekeluargaan, tetapi juga kasih sayang sesama saudara seagama kerana ia memudahkan urusan dunia menuju ke akhirnya.

Asas persaudaraan dalam Islam adalah ikatan akidah yang teguh kepada keesaa-Nya. Firman Allah SWT

yang bermaksud: "Sesungguhnya orang Mukmin itu bersaudara, oleh itu damaikanlah antara kedua-dua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat." (Surah al-Hujurat, ayat 10)

Hak sesama Muslim

Justeru, adanya hak yang perlu dipelihara oleh seseorang Muslim terhadap saudaranya yang menunjukkan Islam adalah agama yang lengkap dan sempurna. Bahkan hak yang sama dikanunkan oleh manusia untuk dijadikan peraturan dan perundangan supaya tiada sesiapa yang teraniaya.

Malah, Barat turut mendakwa bahawa hak asasi manusia sesuatu yang terbina dari norma kehidupan sejak azali bermula melalui hubungan sosial secara tidak terancang.

Kita dapat membayangkan betapa kalutnya dunia jika hak sebagai manusia tidak terbelah, apatah lagi dunia hari ini tidak bersempadan, menjadikan fitnah dan buruk sangka mudah tersebar oleh sesiapa sedangkan persaudaraan dalam Islam menetapkan tiada sesiapa yang dizalimi.

Ancaman demi ancaman ke atas umat Islam yang semakin melampau batas kesabaran sebenarnya patut ditepis dengan menonjolkan kekuatan persaudaraan supaya kuantiti dan kualiti yang ada menjadi nilai tambah terhadap keperkasaan agama Islam.

Sifat mazmumah yang membeleggu diri seperti hasad dengki, bu-

ruk sangka, balas dendam, takbur, riak, bongkak serta tidak reda dengan qadar dan qadar Allah adalah punca putusnya silaturahim sesama Muslim.

Ia menghalang musyawarah ke arah penyelesaian sedangkan itulah yang dianjurkan al-Quran dan sunah. Bahkan umat Islam jauh terkebelakang berbanding bangsa lain yang mengejar peluang, bukan menjatuhkan sesama sendiri.

Baginda Rasulullah SAW bersabda: "Jauhilah kamu akan sifat dengki kerana sifat dengki akan memakan kebaikan kamu seperti mana api memakan kayu, atau memakan rumput." (Riwayat Abu Daud)

Strategi demi strategi untuk mengagalkan persaudaraan sesama Muslim mengakibatkan umat Islam terpedaya, keamanan yang dicita lebur begitu sahaja, bahkan kehidupan yang aman sentosa menjadi kacau bilau kerana propaganda begitu halus dicipta.

Negara Islam mundur

Islam yang sempurna dilihat orang lain sebagai agama menyebabkan umatnya bertelagah dan mencari identiti. Penganut agama lain pula menggeleng kepala, apatah lagi melihat kemunduran negara Islam yang masih dibelenggu kesusahan.

Mereka pula menggembleng fikiran dan tenaga tanpa berkira waktunya untuk memastikan dunia mereka aman damai serta terpelihara.

Jika diselami aspek pembinaan

masyarakat Islam, baginda Rasulullah SAW berusaha bersungguh-sungguh menjalin hubungan sesama Islam tanpa mengira latar belakang keturunan, warna kulit dan kedudukan.

Penyatuan ummah zaman Rasulullah

Sejarah juga telah membuktikan belum pernah berlaku penyatuan umat sehebat kejayaan yang telah dilakukan Rasulullah SAW sehingga berjaya membina ketamadunan ummah dalam tempoh yang singkat.

Bukan itu saja, golongan bangsawan turut dipersaudarakan dengan golongan hamba dan mereka sanggup berkorban harta, jiwa dan raga. Hasilnya, perasaan kasih sayang dipupuk sehingga benar-benar menyusuk dalam sanubari sahabat.

Malah setiap sahabat dapat merasai nikmat persaudaraan serta perpaduan yang dibina berteraskan agama Allah.

Rasulullah SAW bersabda: "Seorang Mukmin terhadap seorang Mukmin yang lain adalah seperti sebuah bangunan di mana sebahagianya menguatkan sebahagian yang lain." (Riwayat Muslim)

Justeru, kita perlu ingat kebatilan yang terancang pasti dapat meruntuhkan hak yang tidak diperteguhkan dengan kukuh di atas paksinya. Jika asasnya umat Islam yang menjulang panji kebenaran, dan mereka berpecah belah, tiadalah lagi upaya melainkan menunggu masanya saja.



NIK SALIDA SUHAILA